

**TEKS UCAPAN**

**YB DATUK SERI DR. RONALD KIANDEE  
MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN**

**DI MAJLIS  
MENANDATANGANI MEMORANDUM PERSEFAHAMAN  
(MOU) PROJEK SMART SAWAH BERSKALA BESAR  
(SMART SBB)  
SESI 2/2021**

**ANTARA**

**KERAJAAN MALAYSIA DENGAN TUJUH (7) SYARIKAT  
PENERAJU**

**9 NOVEMBER 2021 (SELASA)**

**DEWAN TAN SRI ABU ZAHAR, ARAS 1  
MENARA LEMBAGA PERTUBUHAN PELADANG (LPP)  
KUALA LUMPUR**

Selamat Pagi, Salam Sejahtera dan Salam Keluarga Malaysia.

Terima kasih Saudara Pengacara Majlis,

**YANG BERTHORMAT DATUK SERI HAJI AHMAD BIN HAMZAH**

Timbalan Menteri 1 MAFI

**YANG BERBAHAGIA DATO' HASLINA BINTI ABDUL HAMID**

Ketua Setiausaha MAFI

**YANG BERUSAHA ENCIK AZMAN BIN MAHMOOD**

Setiausaha Bahagian Pembangunan Industri Padi

Merangkap Ketua Pengarah Kawal Selia Padi dan Beras

Ketua-ketua Pengarah Jabatan dan Agensi,

Pegawai-pegawai Kementerian Pertanian dan Industri Makanan,

**Wakil-wakil daripada tujuh (7) Syarikat Peneraju,**

Wakil-wakil pesawah di bawah Program SMART SBB Sesi 1/2021,

Rakan-rakan media,

Seterusnya Tuan-Tuan, Puan-Puan dan hadirin yang dihormati sekalian.

1. Terlebih dahulu saya mengucapkan ribuan terima kasih kepada semua yang hadir kerana dapat bersama-sama menjayakan Majlis Menandatangani Memorandum Persefahaman (MOU), Program Smart Sawah Berskala Besar (SMART SBB) antara Kerajaan Malaysia dengan **tujuh (7) syarikat peneraju** pada pagi ini.
2. Tahniah dan Syabas jua kepada jawatankukasa penganjuran dan urusetia majlis khususnya Bahagian Pembangunan Industri Padi, MAFI.
3. Saya kira majlis kita pada hari ini mencatat satu lagi peristiwa yang amat bermakna kerana ia merupakan **kali kedua majlis seumpama ini diadakan dan menunjukkan bahawa segala kerja keras MAFI untuk menarik semua pihak-pihak berkepentingan** terutamanya pihak swasta membangunkan industri padi dan beras di negara ini mula membuahkan hasil.

Hadirin yang dihormati sekalian,

4. Sektor pertanian telah diberi **penekanan dalam Rancangan Malaysia Kedua Belas (RMKe-12)**, khususnya di bawah **Pemacu Perubahan (*Game Changer*) 2: Memangkinakan Industri Strategik dan Berimpak Tinggi Bagi Melonjakkan Pertumbuhan Ekonomi** dan **Pemacu Perubahan (*Game Changer*) 7: Mengqandakan Pertumbuhan Negeri Kurang Membangun terutama di Sabah dan Sarawak bagi Merapatkan Jurang Pembangunan**.
5. Secara keseluruhannya, **sektor pertanian diunjur berkembang sebanyak 3.8% setahun dalam tempoh RMKe-12 dan menyumbang 7% kepada KDNK pada tahun 2025**. Dalam hubungan ini, sasaran pertumbuhan sektor agromakanan yang dijangka berkembang pada kadar 4.5% setahun dalam tempoh RMKe-12 bakal meletakkan sektor ini antara penyumbang penting kepada KDNK negara.
6. **Elemen jaminan sekuriti makanan** merupakan prioriti MAFI dalam usaha meningkatkan ketersediaan makanan negara dan telah diujarkan dalam dokumen dasar utama Kementerian iaitu **Dasar Agromakanan Negara 2021-2030 (DAN 2.0)** dan **Pelan Tindakan Dasar Sekuriti Makanan Negara (DSMN) 2021-2025**.

Hadirin yang dihormati sekalian,

7. **Kadar Tahap Sara Diri atau *Self Sufficiency Level (SSL)* beras di negara ketika ini yang berada pada paras sekitar 70 peratus**, menyebabkan negara **masih bergantung** kepada bekalan beras import terutamanya daripada negara Vietnam, Thailand, Kemboja, India dan Pakistan. Keprihatinan kita terhadap isu sekuriti makanan negara ini juga bersandarkan kepada fakta bahawa **populasi penduduk negara akan terus meningkat untuk tempoh sepuluh tahun akan datang** serta meningkatnya risiko pengeluaran sumber makanan tempatan akibat faktor-faktor seperti perubahan cuaca dan iklim serta penyakit tanaman yang mengancam kestabilan sekuriti makanan negara.
8. **Memandangkan keperluan kepada bekalan padi bagi pemprosesan beras domestik dijangka terus meningkat** dan pada masa yang sama *trend* pengimportan beras dari luar negara perlu dikurangkan bagi tujuan sekuriti bekalan makanan negara,

maka terdapat keperluan untuk meningkatkan produktiviti padi di peringkat domestik. Dalam hal ini, **MAFI akan terus menggandakan usaha Program SMART SBB untuk menarik lebih banyak lagi pelaburan swasta bagi menjadikan industri padi dan beras negara lebih dinamik dan berdaya saing.**

9. **Penglibatan pihak swasta dalam industri padi dan beras negara amatlah penting** bagi menyuntik semangat baru kepada industri ini melalui pendekatan-pendekatan baru dengan memanfaatkan sumber modal pembiayaan semaksimum mungkin.
10. Sebagaimana semua sedia maklum, **Program SMART SBB ini merupakan salah satu inisiatif Kerajaan dalam menyatukan tanah sawah secara pertanian kontrak atau sewaan** melalui satu pengurusan sekaligus dapat mengoptimumkan penggunaan sumber dan meningkatkan kecekapan aktiviti penanaman dan pengeluaran hasil lepas tuai.
11. **Penggunaan teknologi canggih atau *Internet of Things (IoT)* selaras dengan pembangunan *Industrial Revolution 4.0 (IR4.0)* dalam penanaman padi adalah elemen penting yang ditekankan dalam Program SMART SBB.** Antaranya adalah penggunaan dron bagi pemantauan yang lebih berkesan dan penyemburan input pertanian seperti baja dan racun. Elemen teknologi yang diterapkan dapat mengurangkan kos penanaman disamping meningkatkan produktiviti hasil pertanian padi.
12. Sehingga kini, **MAFI telah mencapai persetujuan bersama dengan kesemua Syarikat Peneraju untuk menanggung kos penanaman padi sebanyak RM3,200 per hektar.** Ianya melibatkan kos-kos seperti penggunaan baja tambahan seperti baja bio, penggunaan jentera mekanisasi dan automasi termasuk dron untuk meracun, pemantauan tanaman secara atas talian dan sebagainya.

**Tuan-Tuan dan Puan-Puan Yang Dihormati Sekalian,**

13. Kerajaan ketika pembentukan Kabinet Baharu pada 27 Ogos 2021 yang lalu, **Yang Amat Berhormat Perdana Menteri telah mengilhamkan Aspirasi Keluarga Malaysia (AKM) yang menetapkan setiap Kementerian membuktikan pencapaian awal dalam tempoh 100 hari pertama.**

14. Dalam hal ini, istimewanya program kita pada hari ini merupakan salah satu dari tiga pencapaian utama yang telah dipilih MAFI iaitu Program SMART SBB yang antara lainnya menyasarkan penglibatan **seramai 1,085 pesawah dengan meningkatkan sehingga 50 peratus pendapatan mereka.**
15. Untuk rekod, **sehingga 28 Oktober 2021, seramai 3,811 orang pesawah telah mendapat manfaat daripada program ini melibatkan kawasan penanaman padi seluas 9,777.7 hektar di beberapa tempat termasuk IADA Barat Laut Selangor dan IADA Seberang Perak.** Bilangan penglibatan dan hasil pendapatan pesawah telah berjaya melebihi sasaran yang telah ditetapkan iaitu **sebanyak 280 peratus**. Bukan sesuatu yang mudah untuk MAFI meyakinkan para pesawah untuk bersama-sama menjayakan sebuah program baharu, namun akhirnya pilihan mereka amat berbaloi dengan peningkatan hasil dan pendapatan berbanding sebelum ini. **Angka ini adalah salah satu Kejayaan Program SMART SBB Sesi 1/2021 lalu yang disertai oleh sebelas (11) buah syarikat peneraju dalam membangunkan kawasan penanaman padi dengan sasaran seluas 300,000 hektar secara berperingkat.**

**Tuan-Tuan dan Puan-Puan Yang Dihormati Sekalian,**

16. Ringkasnya, **Program SMART SBB merupakan hala tuju baharu industri padi dan beras negara yang sedang dilaksanakan oleh MAFI** bagi meningkatkan produktiviti dalam **mencapai SSL beras** yang ditetapkan dalam tempoh Rancangan Malaysia Kedua Belas (RMKe-12) iaitu **sebanyak 75 peratus** serta mewujudkan pengurusan sawah secara cekap dan sistematik menerusi pelaksanaan secara koperasi, persatuan atau berkelompok untuk penggunaan sumber secara optimum.
17. Tahniah dan Syabas kepada 7 syarikat peneraju yang menandatangani MOU pada hari ini sebagai tanda komitmen dan sokongan kepada MAFI. **Pada hari ini juga, satu detik bermakna bakal dirakam iaitu pelancaran Buku Koleksi SMART SBB bertajuk “Lonjakan Lestari Industri Padi dan Beras”.** Buku ini memaparkan koleksi kisah-kisah kejayaan pelaksanaan program SMART SBB yang semakin mendapat sambutan *stakeholders* terutamanya pemain-pemain Industri.

18. Seterusnya, Majlis ini akan turut diserikan dengan pelancaran produk sulung Program SMART SBB Sesi 1/2021 yang lalu iaitu **Beras Wangi Tempatan Sunflower dari Ladang SMART SBB Sekinchan. Beras ini dijangka berada di pasaran di seluruh negara mulai 10 November 2021 dengan harga runcit 33 ringgit bagi setiap pek 5 kilogram.**
19. Menjadi harapan saya agar usaha murni ini terus diperkasa dan mendapat sokongan semua pihak selari dengan matlamat Kerajaan dalam menjamin sekuriti bekalan makanan negara sepanjang masa dan membela golongan petani, penternak dan nelayan.
20. Akhir kata, saya mengambil kesempatan di sini untuk menyeru lebih ramai penglibatan dan pelaburan pihak swasta di luar sana untuk menyertai program-program seumpama ini di MAFI.

Sekian, terima kasih.